

20 JUN 1999

Singapura-Mahathir

AKHBAR SINGAPURA SIAR KRITIKAN DR MAHATHIR DI MUKA DEPAN

SINGAPURA, 20 Jun (Bernama) -- Akhbar-akhbar Singapura hari ini menyiarkan di muka depan kritikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap lidah pengarang akhbar Business Times (BT) republik itu yang menyarankan bahawa Malaysia patut ditadbir oleh pasukan baru pada alaf akan datang.

Akhbar berbahasa Inggeris Sunday Times dan akhbar berbahasa Melayu Berita Minggu menyiarkan panjang lebar kritikan Dr Mahathir terhadap rencana lidah pengarang itu pada Jumaat yang turut menyatakan bahawa kerajaan campuran Malaysia yang memerintah, Barisan Nasional (BN) "kurang cenderung untuk pembaharuan".

Akhbar BT itu yang tidak diterbitkan pada Ahad, juga menyatakan dalam rencananya yang "masa depan Malaysia tidak menjanjikan keadaan yang begitu baik" jika Umno terpaksa kembali kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan Tan Sri Musa Hitam untuk menerajui parti itu.

Musa adalah bekas Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno dan Tengku Razaleigh, bekas naib presiden parti.

Terpampang tajuk "Mahathir lambasts BT for editorial", Sunday Times menyiarkan kritikan Dr Mahathir terhadap media Singapura kerana "gemar memberikan komen buruk".

Ia turut menyiarkan reaksi yang sama daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Pada masa yang sama kritikan pedas akhbar Business Times milik Malaysia terhadap rencana lidah pengarang akhbar BT di republik itu yang dipetik oleh Reuters turut disiarkan

Akhbar Business Times Malaysia menggambarkan rencana lidah pengarang itu sebagai "terlampau kritis", mengambil kira bahawa Menteri Kanan Singapura sekarang Lee Kuan Yew telah menjadi Perdana Menteri selama 31 tahun, lebih lama berbanding 18 tahun Dr Mahathir.

"Mungkin, Business Times Singapura cuba memberitahu rakyat Malaysia untuk tidak berbuat kesilapan yang sama oleh rakyat Singapura dalam aspek itu," kata Business Times Malaysia.

Berita Minggu juga menyiarkan tajuk serupa dengan Sunday Times, "Mahathir Bidas Akhbar Singapura".

Semua lapan akhbar harian Singapura milik syarikat yang sama, Singapore Press Holdings, umumnya dilihat mempunyai pertalian rapat dengan kerajaan.

-- BERNAMA

TCL RHM